

e-Buletin KOPERASI


SINOPSIS

BIL.7/2025

COOPTALK

MENTERI & SISWA

KUSKOP PERKASA
USAHAWAN SISWA, SALUR
GERAN KHAS RM20,000
UNTUK KOPERASI SIŞWA



COOPTALK MENTERI & SISWA

KUSKOP PERKASA USAHAWAN SISWA, SALUR GERAN KHAS RM20,000 UNTUK KOPERASI SISWA



Shah Alam, 22 April 2025

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memperkuatkan ekosistem keusahawanan negara dengan menyertai penyertaan aktif golongan mahasiswa dalam bidang keusahawanan melalui koperasi dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Menterinya, Datuk Ewon Benedick, ketika berucap dalam program CoopTalk Menteri & Siswa di UiTM Shah Alam, berkata penglibatan mahasiswa dalam sektor ini mampu melonjakkan kluster pendapatan baharu, sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. "Sumbangan PMKS terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan peningkatan sebanyak 5% pada tahun 2023, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 39.1%. Bagi sektor guna tenaga pula, peningkatan sebanyak 3.5% dicatatkan, menjadikan sumbangan PMKS kepada guna tenaga kini 48.5%," jelas beliau.



Sehubungan itu, Datuk Ewon menekankan pentingnya mahasiswa dan graduan menyertai dunia keusahawanan agar lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan menerusi pertumbuhan pendapatan koperasi dan PMKS.



GERAN KHAS RM20,000 UNTUK KOPERASI SISWA

Dalam majlis yang sama, beliau turut mengumumkan geran bantuan khas berjumlah RM20,000 di bawah program SUKSES yang ditawarkan kepada koperasi siswa seluruh negara. "Koperasi yang ingin memohon perlu memenuhi beberapa syarat asas termasuk mempunyai aktiviti perniagaan aktif, akaun teraudit, serta telah mengadakan mesyuarat agung dalam tempoh yang ditetapkan," ujar beliau.





SAMBUTAN HANGAT MAHASISWA

Majlis yang berlangsung di Ruang Legar, Menara Sultan Abdul Aziz Shah, UiTM Shah Alam itu berjaya menarik kehadiran kira-kira 300 mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi seperti UiTM, UPM, USIM dan UniSZA. Program ini bertujuan memupuk budaya keusahawanan melalui platform koperasi dalam kalangan pelajar universiti.

Selain sesi sembang santai bersama YB Menteri, acara turut dimeriahkan dengan Program Jualan Madani Koperasi dan Usahawan, serta perasmian pembukaan The Cups Coffee & Kitchen, yang dimiliki oleh Koperasi Siswa Universiti Teknologi MARA Selangor Berhad.

